

Waspada lonjakan kes demam denggi

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD
hafizi.ahmad@kosmo.com.my

Kosmo
12/8/13 MS 14.

KUALA LUMPUR – Kes demam denggi di negara ini mencatatkan peningkatan ketara apabila 14,931 kes direkodkan sehingga 23 Julai lalu berbanding 12,910 kes untuk tempoh sama tahun lalu, meningkat sebanyak 2,021 kes.

Dalam tempoh tersebut, sebanyak 29 kematian dicatatkan berbanding 25 dalam tempoh sama tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, secara purata lebih 600 kes denggi dilaporkan di seluruh negara setiap minggu.

Beliau menegaskan, angka itu membimbangkan kerana ia jauh lebih tinggi berbanding 300 hingga 400 kes seminggu pada tahun lalu.

“Oleh itu, rakyat Malaysia wajar mengambil berat situasi denggi yang semakin serius dengan cara mempertingkatkan aktiviti membersihkan kawasan rumah masing-masing daripada sarang pembiakan nyamuk Aedes.

“Aktiviti mencari dan memusnahkan sarang nyamuk Aedes ini mesti dilakukan setiap minggu.

“Wabak demam denggi amat berbahaya kerana apabila komplikasi berlaku, ia boleh meragut nyawa pesakit. Maka mencegah adalah lebih baik daripada merawat,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurut Subramaniam, aktiviti penguatkuasaan iaitu Ops Gempur Aedes yang bermula sejak 8 Julai lalu masih dijalankan di



S. SUBRAMANIAM

INFO kes denggi di Malaysia (Januari hingga 23 Julai 2013)

Negeri	Kes	Kematian
Perlis	141	1
Kedah	474	1
Pulau Pinang	399	2
Perak	1,030	0
Selangor	6,608	7
Kuala Lumpur/ Putrajaya	1,176	6
Negeri Sembilan	340	0
Melaka	283	1
Johor	2,021	7
Pahang	307	0
Terengganu	168	0
Kelantan	746	1
Sarawak	855	2
Sabah	378	1
Labuan	5	0
Jumlah	14,931	29

seluruh negara.

Katanya, sehingga kini, sebanyak 95,970 premis telah diperiksa dengan 292 kompaun dikeluarkan membabitkan nilai keseluruhan RM146,000.

“Sejumlah 284 notis juga telah dikeluarkan kepada pemilik premis di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 untuk tujuan pembersihan premis.

“Pemilik premis boleh dikenakan kompaun maksimum RM500 bagi kesalahan yang berulang selain tindakan mahkamah dengan denda maksimum RM10,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.